

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Karya fantasi misteri jadi pilihan

05. Sep 2008
Berita Harian
Hip
217920
2083000

Language
Page No
Article Size
Frequency
Color
AdValue

MALAY
21
203 cm2
Daily
Full Color
3599.86



Karya fantasi, misteri jadi pilihan

NAZA Adlyn berasal dari Tapah, Perak, mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Buyong Adil Tapah sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Multimedia dalam bidang teknologi maklumat dan menyelesaikan Sarjana dalam Sains Komputer di Universiti Putra Malaysia.

Sebelum menghasilkan novel remaja dewasa, beliau

terlebih dahulu menangani novel awal remaja, menggunakan nama pena Ddlyn Azmi.

Pengarang ini menjurus kepada penulisan fantasi dan misteri kerana yakin karya sedemikian mampu memberi kepuasan kepada remaja dan kini calon ijazah doktor falsafah (PhD) bidang pengkomputeran permainan ini di University of Otago, New Zealand.

